

# Berganding Bahu dalam Memastikan Tiada Insan Hidup dalam Kegelapan



## Projek Rakyat

Kerjasama serta komitmen amat diperlukan bagi memenuhi sasaran Sarawak untuk mencapai elektrifikasi penuh.

Fokus elektrifikasi luar bandar ini adalah untuk mengembangkan grid kepada kawasan yang boleh dihubungi, sementara sistem mandiri yang menggunakan sumber elektrik alternatif digunakan untuk wilayah jauh di pedalaman bagi sambungan grid supaya komuniti tidak perlu menggunakan penjana diesel yang mahal dan bising.

Kerjasama dan komitmen semua pihak diperlukan bagi memastikan kejayaan projek ini seterusnya memangkin pembangunan luar bandar bagi merapatkan jurang antara komuniti luar bandar dengan bandar, sekaligus membantu merealisasikan visi Sarawak menjadi negeri maju menjelang 2030.



## Projek dikendalikan Rakyat

Dalam melaksanakan projek elektrifikasi luar bandar, pasukan Sarawak Energy akan bertemu dan memberi taklimat kepada penduduk berkenaan lokasi, tujuan dan proses perlaksanaan.

Sebaik lengkap, sistem grid yang distruktur akan diselenggara dan dijalankan oleh Sarawak Energy manakala sistem grid luar mandiri SARES pula diserahkan kepada komuniti perkampungan untuk diambil alih, dijalankan dan diselenggara dengan Sarawak Energy berperanan menyediakan sokongan melibatkan isu teknikal.

### SISTEM GRID

Pertemuan dengan penduduk akan diadakan untuk memberi penerangan berhubung pendaftaran, keperluan pendawaian dalaman serta proses pendaftaran meter.

Taklimat keselamatan elektrik juga diadakan apabila setiap jenis sistem sudah bersedia untuk bertugas dan dihidupkan.



### GRID LUAR

Restu dan kerjasama daripada penduduk amat penting untuk memastikan pelaksanaan projek berjaya. Mereka juga perlu bersetuju secara kolektif dalam menentukan kawasan untuk mendirikan stesen tenaga solar.

Penduduk turut dilatih untuk mengoperasi, memantau dan menyelenggara sistem selain mengurus penggunaan 3kWh sehari bagi setiap isi rumah.



## Kerjasama antara Agensi

Mengelektrifikasi luar bandar Sarawak bukan tugas mudah memandangkan lanskap geografi yang luas, liku sungai, hutan tebal dan kawasan mencabar negeri ini.

Sehubungan itu, usahasama amat penting bagi memastikan pelaksanaan projek elektrifikasi ini berjalan lancar. Justeru Kemeterian Utiliti Sarawak dengan Sarawak Energy sedang bekerja rapat dengan Residen dan Pejabat Daerah, serta pemimpin komuniti dan wakil terpilih.



## #MenerangiKomuniti

Melalui usaha kuat di bawah Pelan Induk Elektrifikasi Luar Bandar yang Dipercepatkan, juga pelaksanaan inovasi teknologi, pragmatik dan pemikiran kreatif serta kerjasama pelbagai agensi, visi Kerajaan Sarawak untuk mencapai liputan elektrifikasi penuh menjelang 2025 kini semakin hampir direalisasikan.



## Apa Kata Rakyat

### Gayna anak Basat, Rumah Liok, Semiang

"Saya amat bersyukur dapat melihat ini menjadi kenyataan. Ini merupakan satu perubahan yang besar untuk kami yang tinggal di kawasan pedalaman dan ia memberi kami peluang untuk menikmati, walaupun sebahagian dari apa yang dinikmati penduduk bandar.

Saya dapat melihat perubahan di rumah-rumah panjang yang telah menikmati kemudahan elektrik dan tidak sabar untuk menikmati kemudahan yang sama di sini."

(Projek pembinaan fasiliti solar masih dalam pembinaan semasa temubual dirakam.)



### Along anak Ason, Rumah Along, Nanga Majau

"Kami telah menikmati sambungan elektrik untuk beberapa bulan dan saya dapat melihat perubahan dalam kehidupan kami di rumah panjang. Kami tidak lagi perlu kerap ke bandar kerana menyimpan barang mentah kini menjadi lebih mudah dengan adanya kemudahan peti sejuk. Sebelum ini barang mentah harus segera di masak kerana tiada tempat untuk menyimpannya."

Kami juga sudah boleh mengetahui apa yang berlaku disekitar kami melalui kemudahan televisyen dan radio. Anak-anak juga boleh menyiapkan kerja sekolah di waktu malam dengan adanya lampu LED. Terima kasih kepada Kerajaan Sarawak kerana membekalkan elektrik ke kampung kami."

